

04 SEP 1998

Pemuda-Kestabilan

PEMUDA BN, UMNO AKAN TENTANG PERCUBAAN GUGAT KESTABILAN

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda parti-parti komponen Barisan Nasional, termasuk Pemuda UMNO, hari ini menegaskan bahawa ia akan menentang sebarang percubaan untuk menggugat kestabilan negara berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kabinet dan UMNO.

Setiausaha Pemuda BN dan anggota Exco Pemuda UMNO Zulkifli Mohamed Alwi hari ini berkata, kestabilan negara amat penting dipertahankan agar negara tidak terdedah kepada sebarang kemungkinan yang tidak diinginkan.

"Kalau ada pihak tertentu yang berhajat mengganggu gugat pucuk pimpinan, saya ingatkan bahawa kami semua berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan-rakannya dalam barisan pucuk pimpinan negara," katanya kepada pemberita hari ini.

Zulkifli berkata, majoriti aktivis di kalangan Pemuda sama ada dalam parti-parti komponen BN serta pergerakan Pemuda UMNO menerima dan menyokong usaha yang telah dilakukan oleh pucuk pimpinan negara khususnya Dr Mahathir.

Beliau juga berkata bahawa majoriti barisan Exco Pemuda UMNO berharap ketua pergerakan itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi akan mengadakan segera satu mesyuarat khas pergerakan itu bagi membincangkan perkembangan yang berlaku sekarang dan mengambil tindakan perlu.

Beliau juga menjelaskan bahawa pergerakan itu tidak ada kena-mengena dengan perhimpunan di ruang legar Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam tadi yang kemudiannya menjadi agak kurang terkawal.

Perhimpunan itu diadakan ketika Majlis Tertinggi UMNO mengadakan mesyuarat bagi membincangkan kedudukan Anwar dalam parti itu, selepas dia dipecat daripada kabinet oleh Dr Mahathir pada Rabu lepas.

"Kita risau kalau ada elemen Pemuda UMNO dalam perhimpunan itu, ini akan ditafsirkan sebagai pendirian rasmi pergerakan itu.

"Pemuda UMNO tidak terbabit dengan perhimpunan itu dan kalau ada yang terlibat, ia adalah tindakan peribadi," katanya.

Sementara itu seorang lagi anggota Exco Pemuda UMNO Zein Isma Ismail, dukacita dan kecewa memandangkan adanya pelajar universiti dan anggota pertubuhan bukan kerajaan yang sanggup diperalatkan dengan terbabit dalam perhimpunan malam tadi.

Zein Isma mahu pihak universiti terbabit mengambil tindakan terhadap para pelajar yang terlibat dan menggesa mahasiswa supaya percaya kepada prinsip keluhuran undang-undang serta sistem perundangan dan kehakiman negara untuk menegakkan kebenaran.

-- BERNAMA

AFY SJ NMO